



## “AKIDAH MANTAP HIDUP SELAMAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا  
اِخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ  
الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ  
سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَتَّيِبُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,



Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan memperbanyakkan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Marilah sama-sama kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**Akidah Mantap Hidup Selamat**".

### **Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Akidah merupakan suatu pegangan dan keyakinan yang tiada syak atau ragu-ragu, manakala akidah Islam adalah mempercayai semua perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui al-Quran dan an-Sunnah. Akidah menjadi asas kepada penerimaan atau penolakan amalan manusia di sisi Allah SWT.

Firman Allah dalam surah Al-Furqan ayat 23 ;

وَقَدِمْنَا إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنَّ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً

مَّنْثُورًا ﴿٢٣﴾

*"Dan Kami tujukan perbicaraan kepada apa yang mereka telah kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan".*



Dalam kehidupan kita, akidah Islam merupakan perkara utama yang perlu diterapkan ke dalam jiwa kerana ia menjadi asas kepada lahirnya akhlak yang baik dalam diri seseorang insan. Penerapan akidah Islam seharusnya dilakukan sejak bermulanya seseorang manusia itu dilahirkan ke dunia ini. Oleh kerana itulah Rasulullah SAW menganjurkan agar setiap bayi yang baru dilahirkan supaya diazan dan diiqamat ke telinganya, kerana kalimah dalam azan dan iqamat itu mengandungi kalimah tauhid.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَفْتَحُوا عَلٰى صِبْيَانِكُمْ اَوَّلَ كَلِمَةٍ بِـ : لَا اِلٰهَ  
اِلَّا اللهُ...

*"Jadikanlah kalimah La ilaha Illa Allah sebagai kalimah pertama yang didengari oleh anak-anakmu "*

(Riwayat al-Baihaqi).

### **Sidang jumaat sekalian,**

Akidah Islam yang mantap akan dapat mendorong kita untuk patuh dan taat kepada setiap perintah Allah SWT. Semua perintah Allah SWT dan larangan-Nya dapat dipatuhi dan dilaksanakan dengan sempurna apabila akidah yang jitu telah dapat ditanamkan ke dalam jiwa kita. Kepatuhan terhadap perintah-perintah Allah SWT ini adalah kerana dengan adanya keyakinan terhadap dosa dan pahala, sehingga kita sentiasa berhati-hati dari terjerumus ke dalam perkara-perkara yang dikeji. Justeru dengan adanya keyakinan ini juga, kita dapat menentukan secara jelas halatuju kehidupan ini sama ada untuk kebaikan di dunia mahupun di akhirat.



Firman Allah SWT di dalam surah al-Kahfi ayat 103:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah kami khabarkan kepada kamu semua akan orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya".*

**Sidang jumaat sekalian,**

Seterusnya, dengan akidah yang mantap akan dapat melahirkan insan yang tabah dalam menghadapi pelbagai bentuk ujian dan cabaran dalam kehidupan. Melihat kepada fenomena yang berlaku sejak akhir-akhir ini, kita dapati secara jelas bahawa Allah SWT telah menurunkan pelbagai bentuk musibah seperti ribut kencang, banjir besar, tsunami, puting beliung dan lain-lain untuk menguji sejauh mana keteguhan iman kita kepada Allah SWT. Oleh itu, apabila kita memiliki keyakinan terhadap keesaan dan kekuasaan Allah SWT, akan menjadikan diri kita cekal dan sabar menghadapi dugaan, serta yakin bahawa Allah SWT sentiasa bersama dengan orang-orang yang sabar.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut ayat 2:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾



*"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)".*

Sifat sabar tidak akan dapat dicapai melainkan sekiranya jiwa kita telah diisi dengan akidah dan keyakinan yang teguh terhadap keesaan Allah SWT. Oleh kerana itulah dalam tempoh 13 tahun yang awal, ketika Rasulullah SAW berdakwah di kota Mekah, baginda telah berusaha bersungguh-sungguh mengukuhkan akidah umat Islam di sana. Usaha yang telah dijalankan oleh baginda ini akhirnya telah dapat melahirkan para sahabat yang berjiwa kental, yang sanggup mempertaruhkan nyawanya demi Islam, antaranya adalah Bilal bin Rabah, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harithah dan lain-lain lagi.

### **Sidang jumaat sekalian,**

Perkara yang tidak kurang pentingnya juga, akidah yang mantap dapat menjadi benteng pertahanan daripada pelbagai bentuk jenayah yang merosakkan kehidupan umat Islam. Apa yang nyata pada hari ini, laporan mengenai jenayah bunuh, rogol, rompak dan seumpamanya dapat kita saksikan hampir setiap hari di kaca televisyen, akhbar dan media-media lainnya. Mengapakah perlakuan jenayah ini berlaku? Sudah tentu sekali kerana jiwa mereka tidak dimantapkan dengan akidah dan keyakinan terhadap balasan dosa atas apa yang telah mereka kerjakan di dunia ini.

Firman Allah SWT dalam surah As-Sajdah ayat 12:



وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ  
رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ



*"Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu); wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kami ingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; sesungguhnya kami sekarang telah yakin".*

Akidah yang mantap dapat menghalang berlakunya penyelewengan terhadap ajaran Islam. Lemahnya akidah juga telah menjadi punca kepada berlakunya penyelewengan terhadap ajaran Islam yang sebenar. Kegagalan sebahagian umat Islam dalam memahami tuntutan tauhid kepada Allah SWT telah membuka ruang kepada dakyah yang disebarkan oleh musuh-musuh Islam untuk mempengaruhi pemikiran mereka. Mereka menjadi keliru antara ajaran Islam sebenar dengan dakyah yang disangkakan sama dengan ajaran Islam yang mereka anuti. Akhirnya mereka tersesat dalam amalan-amalan mereka. Maka tidak hairanlah apabila kita dapati pada hari ini banyak kumpulan yang difatwakan sesat oleh Jabatan-jabatan Mufti kerana wujudnya penyelewengan dalam amalan yang mereka lakukan. Di Selangor sahaja, didapati tidak kurang daripada 30 ajaran dan amalan yang difatwakan



menyeleweng dan sesat, antaranya Mazhab Syiah, Ajaran Anti Hadis, Aliran Fahaman Liberal dan Plural dan lain-lain lagi.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nur ayat 39 ;

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ  
الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُمْ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ  
عِنْدَهُ فَوَفَّيْتَهُ حِسَابَهُ ۗ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

*"Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata (fatamorgana) yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu dia menuju ke arahnya) sehingga apabila dia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan dia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah meyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah amat segera hitungan hisab-Nya".*

Oleh kerana itu, sebagai umat Islam yang percaya akan kewujudan dan keagungan Allah SWT, marilah kita sama-sama berusaha mempertingkatkan kekuatan akidah kita, akidah keluarga kita dan akidah masyarakat Islam kita, kerana dengan cara sebeginilah kita akan dapat menyelamatkan kehidupan kita di dunia dan juga di akhirat kelak.

**Sidang jumaat sekalian,**



Menelusuri khutbah pada hari ini, maka beberapa pengajaran hendaklah diambil perhatian;

1. Umat Islam hendaklah berusaha memupuk dan memantapkan akidah Islamiah dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.
2. Umat Islam hendaklah berusaha mempelajari akidah Islamiah untuk mengelak diri daripada terlibat dengan penyelewengan dan kesesatan.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa memelihara akidah dengan memantapkan amalan dan memperbaiki akhlak.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa mengambilkira dosa dan pahala, syurga dan neraka dalam menjalankan kehidupan seharian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ  
عِنْدَ رَبِّهِ ۖ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

*"Bahkan barang siapa yang menyerahkan diri kepada Allah, sedang ia berbuat kebajikan, maka baginya pahala pada sisi Tuhan-Nya dan tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati"*

*(al-Baqarah- 112).*



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وِقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*  
JAIS/Nurul  
26.01.2015